

27/02/2005

Dunia Islam diperlekeh kerana miskin

Oleh Manja Ismail

KETIKA kali pertama ke Pakistan pada 1993, penulis yang membuat liputan lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika itu, selain berada di Islamabad, turut dibawa ke Khyber Pass, pos sempadan negara itu dengan Afghanistan, kira-kira sejam berkereta dari Peshawar, meredah jalan berbatu kelikir yang merentasi kaki banjaran Hindu Kush.

Sepanjang perjalanan itu, rombongan Malaysia yang turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menerima lambaian penduduk wilayah berkenaan, sebahagian besarnya kaum Pathan. Kebanyakan mereka, walaupun kelihatan miskin dan daif, dengan senampang bersandang di bahu, amat mengalu-alukan kedatangan pemimpin sebuah negara Islam seperti Malaysia.

Minggu lalu, penulis sekali lagi berada di negara itu, kali ini membuat liputan lawatan rasmi pertama Abdullah sebagai Perdana Menteri ke Pakistan. Walaupun atur cara kunjungan Abdullah hanya di sekitar Islamabad dan sambutan yang diberikan sama hebatnya dengan kunjungan rasmi Perdana Menteri Malaysia 12 tahun lalu, tidak banyak perubahan besar dapat dilihat di ibu kota itu.

Kecuali kerajaannya sudah beberapa kali bertukar dan kawalan keselamatan lebih ketat dengan polis dan tentera berada di setiap ceruk, tidak banyak perubahan fizikal dapat dilihat. Selain sebuah lagi hotel bertaraf lima bintang muncul menjadikannya dua di Islamabad sekarang serta beberapa bangunan dan jalan baru, jurang perbezaan antara yang kaya dan miskin masih ketara.

Jalan-jalan utama di bandar kembarnya, Rawalpindi yang padat dengan penduduk itu, masih sesak dengan beca bermotor, kereta lembu, teksi dan bas usang serta trak-trak berwarna yang turut membawa penumpang. Gobok-gobok usang dan pengemis kaki lima masih mewarnai sebahagian besar kota utamanya.

Jika pada tahun 1993, penulis hanya didekati oleh seorang pemuda pembantu kedai yang meminta menjadi penaja untuk datang ke Malaysia, minggu lalu tiga orang, dua daripadanya berkelulusan universiti sudah menghantar resume mereka melalui e-mel. Pengumuman Abdullah mengenai kesediaan Malaysia untuk mengambil pekerja Pakistan memberi pilihan baru kepada belia negara itu berhijrah selepas sebuah negara Teluk yang kaya dan menjadi pilihan utama mereka, dilaporkan menutup pintu kepada pekerja asing.

Majoriti rakyat Pakistan, sama seperti umat Islam lain di seluruh dunia masih tergolong dalam kategori miskin. Memang kemiskinan dan kemunduran sinonim dengan umat Islam sejak seabad lalu. Hanya selepas peristiwa 9/11, satu lagi label baru dikenakan oleh Barat terhadap dunia Islam iaitu keganasan.

Barangkali, kerana menyedari tumpuan terhadap isu keganasan menyebabkan dua ciri dominan dunia Islam itu bagaikan tidak lagi dipedulikan, Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memilih lawatannya ke Pakistan, untuk membangkitkan semula isu yang menjadi faktor utama umat Islam diperlekehkan sejak sekian lama itu.

Perdana Menteri, ketika berucap selepas menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-Undang daripada International Islamic University of Islamabad, berkata cabaran paling utama dihadapi dunia Islam sekarang ialah bagaimana untuk membebaskan ummah daripada belenggu kemiskinan dan membantu mereka mendapatkan semula harga diri.

"Rakyat dan negara yang miskin sentiasa dipandang rendah, diperguna dan dipecah-belah. Jika dunia Islam kaya dan maju, tiada siapa akan memperlekeh kita.

Sebaliknya, kita akan dihormati dan diundang menyertai mereka yang berkuasa. Kita juga akan mampu membuat perubahan sama ada kepada diri kita atau dunia," katanya.

Hakikat bahawa kemiskinan dan kemunduran menjadi ciri dominan dunia Islam amat diketahui umum. Lebih separuh rakyat dalam satu pertiga negara Islam hidup dengan berbekalkan kurang AS\$2 (RM7.60) sehari. Malah, ada negara Islam di mana sehingga 90 peratus rakyatnya hidup dengan berbekalkan pendapatan serendah itu. Kemiskinan dan kemunduran bukan saja menyebabkan keadaan hidup mereka teruk, buta huruf dan berpenyakit, malah mendedahkan mereka kepada pengaruh keganasan.

Perangkaan menunjukkan lima negara Islam menikmati perkapita Keluaran Negara Kasar (GDP) melebihi RM38,000, 30 negara Islam lain mempunyai pendapatan perkapita kurang daripada RM3,800. GDP terkumpul semua 57 negara anggota OIC hanyalah RM5.3 trilion, iaitu hanya sepertiga GDP Jepun, negara yang dianggap ekonomi kedua terbesar dunia.

Malah, kajian lain menunjukkan jurang perbezaan pendapatan yang amat ketara di antara umat Islam dengan penganut agama lain di dunia. Pendapatan perkapita umat Islam di 123 negara hanyalah RM6,536, baik sedikit dari penganut Hindu yang dikaji di 24 negara, iaitu RM2,667. Sebaliknya, pendapatan perkapita orang Yahudi di 113 negara ialah RM61,180; penganut Kristian di 218 negara RM31,274 dan penganut Buddha di 27 negara RM25,612.

Justeru, Abdullah cuba mengalih kembali tumpuan kebanyakan umat Islam sekarang yang resah apabila dikaitkan dengan keganasan, kepada masalah sebenar mereka sehingga sentiasa menjadi percaturan kuasa Barat iaitu kemiskinan dan kemunduran.

Beliau mengajak segelintir negara Islam yang kaya supaya bersama-sama bangkit membantu menangani masalah itu kerana katanya, tiada cabaran lebih besar dan tidak ada lagi perkara yang boleh menjatuhkan maruah, imej dan pengaruh umat Islam lebih teruk selain kemiskinan.

Bagi Perdana Menteri, kaedah paling berkesan untuk membebaskan umat Islam daripada belenggu kemiskinan ialah membantu mereka membina keupayaan masing-masing supaya boleh berdikari, langkah yang beliau sudah pelopori melalui OIC. Dan dalam membina keupayaan ummah itu, tiada langkah paling berkesan daripada menyediakan mereka ilmu dan pendidikan.

"Pendidikan sudah menyelamatkan berjuta-juta orang. Ini telah berlaku di setiap negara di mana kemiskinan dapat dikurangkan secara berkesan.

Ini juga dialami di negara saya di mana kami hampir menghapuskan terus masalah ini.

"Bagaimanapun, pendidikanlah yang kita, dunia Islam, juga lemah. Tiada sebab ia harus berlaku kerana seribu tahun lalu pusat pembelajaran, falsafah, sains dan perubatan wujud di hampir seluruh dunia Islam," katanya.

Ketika singgah di Lahore dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur, penulis sempat melawat beberapa kesan kegemilangan kerajaan Islam ketika Empayar Mughal. Antaranya ialah Lahore Fort dibina oleh Akbar, Jahangir, Shah Jehan dan Aurangzeb, Masjid Badshahi (dibina oleh Aurangzeb pada 1674) dan Shalimar Garden (dibina Shah Jehan).

Menyaksikan keindahan seni bina dan keutuhan bangunan berkenaan, terlintas di fikiran betapa tingginya teknologi pembinaan umat Islam ketika itu. Yang pasti, ia tidak mungkin dibina tanpa kekuasaan, kekayaan dan pengetahuan. Dan seperti kata Abdullah di International Islamic University of Islamabad minggu lalu, ia tidak berlaku secara kebetulan.

"Bukanlah satu kebetulan bahawa kemuncak kekayaan, kekuasaan dan

prestij dunia Islam berlaku serentak dengan zaman kegemilangan pendidikan dan ilmu," katanya.

(END) Source : Berita Harian